



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 16 Tahun 2020

PELAKSANAAN KEMASUKAN SEMULA PELAJAR KE KAMPUS SERTA PENYAMPAIAN PENGAJARAN DAN PENILAIAN PEMBELAJARAN DALAM TEMPOH PASCA PUNCAK WABAK COVID-19 (POST-PEAK COVID-19)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memberi panduan tentang kemasukan pelajar ke kampus serta pelaksanaan penyampaian pengajaran dan penilaian pembelajaran semester 1, sesi 2020 / 2021 (Pra Diploma, Diploma, Ijazah dan Pasca Ijazah) Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam tempoh pasca puncak wabak COVID-19.

LATAR BELAKANG

2. Penularan wabak COVID-19 di seluruh dunia sejak Disember 2019 memerlukan universiti merancang penyampaian pengajaran dan penilaian pembelajaran yang sesuai, wajar dan berkesan dengan mengambil kira semua fasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jawatankuasa Operasi Bencana UiTM Shah Alam (JOBSA).

3. Meskipun penularan wabak COVID-19 sudah hampir dapat dibendung di Malaysia, namun wabak ini masih belum berakhir dengan cetusan kluster-kluster jangkitan yang dilaporkan sehingga bulan Ogos 2020.

4. Justeru, satu panduan perlu digariskan untuk membantu para pensyarah dan pelajar membuat perancangan penyampaian dan pembelajaran dalam keadaan yang masih berisiko dan terhad seterusnya mengamal kaedah penyampaian dan pembelajaran yang fleksibel, wajar, berkesan dan relevan dengan senario semasa.

5. Panduan ini dibangunkan dengan mengambil kira status penularan wabak, keselamatan warga serta kemudahan dan capaian yang diperlukan oleh para pelajar dan pensyarah. Ia juga berasaskan beberapa maklum balas, dasar dan polisi penyampaian dan pembelajaran sedia ada antaranya ialah:

- Surat Edaran KPT berkenaan Kemasukan Semula Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ke Kampus Secara Berperingkat bertarikh 16 Julai 2020.
- SOP Pengurusan Operasi Institut Pengajian Tinggi (IPT) Semasa dan Pasca PKP Wabak COVID-19 (kemaskini 6 Julai 2020).
- Surat Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bil. 01 / 2020.

- Minit Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) bil. 18 / 2020 tahun 2020 (MEU 22 Jun 2020): Pelaksanaan Penyampaian dan Pembelajaran (PdP) Secara Bersemuka.
- Minit Mesyuarat MEU bil. 25 / 2020 tahun 2020 (MEU 5 Ogos): Kemasukan Pelajar.
- Garis Panduan Pelaksanaan Penyampaian dan Pembelajaran Secara Bersemuka di Ruang Pembelajaran UiTM dan Secara Terbuka dan Jarak Jauh / *Open and Distance Learning* (ODL).
- Peraturan Akademik UiTM Pindaan 2017 (Bilangan 1).
- Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM Edisi Kedua 2015.
- Maklum balas soal selidik Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) April-Julai, 2020 yang merangkumi:
 - a. Ketersediaan pembelajaran dalam talian,
 - b. Keterlibatan Pelajar dalam ODL, dan
 - c. UiTM ODL *Experience*.

6. Panduan ini perlu dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor UiTM terkini berkenaan aktiviti akademik semasa dan pasca PKP.

PELAKSANAAN

7. Panduan ini disediakan untuk tiga (3) kategori iaitu:

- a. Pelajar kembali ke kampus,
- b. Penyampaian dan pembelajaran, dan
- c. Penilaian dan pentaksiran pembelajaran.

8. Dalam tempoh pasca puncak penularan COVID-19 (*Post Peak COVID-19*), khusus untuk semester 1 2020 / 2021, para pelajar dan pensyarah adalah tertakluk kepada ketetapan di bawah:

8.1 KETETAPAN PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS

“Kembali ke kampus” bermaksud hadir di kampus secara fizikal untuk mengikuti sesi pembelajaran (dalam talian atau bersemuka), pembelajaran secara teradun (dalam talian dan bersemuka), dan sesi pembelajaran berkumpulan serta menggunakan fasiliti di kampus seperti perpustakaan, makmal dan ruang pembelajaran yang disediakan.

- 8.1.1 Semua pelajar boleh kembali ke kampus (keseluruhan UiTM) untuk sesi-sesi pembelajaran semester 1 2020 / 2021.
 - 8.1.1.1 Kemasukan pelajar Asasi ke kampus bermula 3 Ogos 2020
 - 8.1.1.2 Kemasukan semua pelajar lain adalah dalam bulan Oktober; sesi pembelajaran bermula 12 Oktober 2020.
 - 8.1.1.3 Kemudahan kolej kediaman UiTM diberi kepada pelajar baharu.

- 8.1.1.4 Pelajar lama yang berjaya ditawarkan kemudahan kolej kediaman sahaja dibenarkan masuk ke kampus untuk mendaftar kolej kediaman.
- 8.1.1.5 Pelajar lama yang tidak berjaya mendapat kemudahan kolej kediaman tidak dibenarkan memasuki kolej kediaman dan perlu mencari bilik / rumah sewa berdekatan dengan kampus.
- 8.1.1.6 Pelajar yang tinggal di Luar Kampus (NR) hendaklah mendaftar dan mengemaskini maklumat rumah sewa di sistem e-NR melalui i-Student Portal.
- 8.1.1.7 Pelajar yang kembali ke kampus disaran menghadkan pergerakan keluar masuk kampus dan ke luar kawasan seperti pulang ke kampung semasa sesi pengajian.
- 8.1.1.8 Pelajar yang berdaftar sebagai pelajar UiTM mesti mematuhi semua peraturan universiti termasuk peraturan keselamatan dan SOP yang ditetapkan.
- 8.1.1.9 Pelajar yang tergolong dalam kelompok penduduk kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) hendaklah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

8.2 KETETAPAN PENYAMPAIAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

- 8.2.1 Penyampaian dan Pembelajaran untuk semester 1 2020 / 2021 sebahagian besarnya (*predominantly*) dilaksanakan secara terbuka dan jarak jauh / ODL. Kaedah lain seperti pembelajaran bersemuka dan setempat (*onsite*) serta pembelajaran teradun (*blended learning*) adalah mengikut kesesuaian kursus dan hasil pembelajaran yang perlu dicapai.
- 8.2.2 Sesi pembelajaran praktikal seperti sesi klinikal, makmal, bengkel, studio, lapangan, padang, dapur dan yang seumpama dijalankan secara teradun mengikut kesesuaian amalan terbaik bagi kursus tersebut di mana komponen PdPnya yang melibatkan teori boleh dilaksanakan secara ODL.
- 8.2.3 Kursus Kokurikulum:
 - 8.2.3.1 Kursus ditawarkan dan dilaksanakan secara teradun atau secara ODL sepenuhnya bergantung kepada kursus.
 - 8.2.3.2 Pusat Kokurikulum universiti akan memaklumkan garis panduan PdP kursus-kursus yang berkaitan kepada pihak fakulti dan kampus.
 - 8.2.3.3 Pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum badan beruniform perlu hadir secara bersemuka mengikut keperluan agensi yang berkaitan bagi tujuan pentaulahan.

- 8.2.4 Pensyarah bertanggungjawab mereka bentuk penyampaian menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dengan mengaplikasi konsep Rekabentuk Pengajaran dan Pembelajaran Universal (*Universal Design of Instruction / Learning*). Ini termasuk:
- 8.2.4.1 Menerapkan adab dan amanah dalam PdP termasuk penggunaan masa, menyantuni kepelbagaian, dan berhemah dalam penyampaian.
 - 8.2.4.2 Pensyarah menyediakan bahan dan mengolah pembelajaran bersesuaian dengan keupayaan, akses dan kemudahan capaian pelajar.
 - 8.2.4.3 Pensyarah memilih teknologi yang sesuai untuk menyokong PdP yang berlaku dalam talian.
 - 8.2.4.4 Pensyarah menyediakan bahan dalam bentuk digital (PDF, PPT, *Massive Open Online Course (MOOC)* dan seumpamanya) dan memuat naik bahan-bahan tersebut ke platform dalam talian untuk kegunaan pelajar. Bahan juga boleh dimajukan melalui e-mel dan media sosial.
- 8.2.5 Pensyarah dan pelajar disaran menggunakan platform UFUTURE atau iLearn yang telah disediakan oleh universiti. Walau bagaimanapun, PdP boleh diteruskan dengan memilih mana-mana platform yang sesuai dengan kursus, kemudahan capaian dan akses para pelajar.

8.3 PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN

Penilaian dan pentaksiran pembelajaran kursus ditambah baik tanpa menjaskankan pencapaian hasil pembelajaran. Perhatian penuh perlu diberi kepada bentuk, bilangan, tempoh dan kaedah pelaksanaan pentaksiran.

- 8.3.1 Untuk semester 1 2020 / 2021, peperiksaan akhir di mana semua pelajar yang mendaftar kursus menjawab kertas peperiksaan yang sama pada masa yang sama di seluruh sistem UiTM yang melibatkan pengurusan kertas soalan, jadual waktu dan dewan / lokasi oleh Bahagian Penilaian Akademik (BPA) dan Unit Peperiksaan fakulti / cawangan serta penjadualan sesi peperiksaan adalah ditangguhkan.

SARINGAN KESIHATAN

9. Pelajar yang memasuki kampus UiTM hendaklah mengisi borang deklarasi harian saringan risiko COVID-19 UiTM di pautan <https://saringc19.uitm.edu.my> setiap hari dan mengimbas kod QR di mana-mana lokasi tempat berurus.

TINDAKAN

10. Semua pihak dipohon mengambil maklum tentang pelaksanaan ini agar pembelajaran para pelajar dapat diteruskan dengan lancar dan berkesan berikutnya pasca penularan puncak wabak COVID-19 ini.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 28 Ogos 2020.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 01 September 2020.

PROF. TS. DR. HAJI MOHAMAD KAMAL HAJI HARUN, FASc
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan Kepada:

- Naib Canselor
- Semua Timbalan Naib Canselor
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit
- Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM

Bil. Fail : 100-HEA (6/4)
Tarikh : 28 Ogos 2020
Kategori Pekeliling : Arahan